



MyGDI NEWSLETTER

Malaysia Geospatial Data Infrastructure

Edisi No. 2

Jun 2016

www.mygeoportal.gov.my

facebook.com/mygeoportal

ISI KANDUNGAN

PROGRAM AWARENESS 'SPATIALLY ENABLED NRE': INISIATIF MaCGDI MEMPROMOSI GEOSPATIAL DI PERINGKAT KEMENTERIAN

Halaman 1 & 2

PEMBENTANGAN APLIKASI 1MALAYSIA MAP DAN MyGOS DI PAMERAN PERSADA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM BERSAMA YBHG. TAN SRI KPPA

Halaman 3

PENYERTAAN MaCGDI DI PAMERAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2016

Halaman 4

BENKEL PROJEK GEOSPATIAL DATA TANAH WAKAF ANTARA JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI (JAWHAR) DAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI-NEGERI

Halaman 5

PENYAMPAIAN KEYNOTE SPEAKER DAN PAMERAN MaCGDI DI INTERNATIONAL CONFERENCE AND EXHIBITION ON GEOSPATIAL & REMOTE SENSING (IGRSM) 2016

Halaman 6

POLISI PERKONGSIAN INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MyGDI)

Halaman 7

MyGeoTranslator: "KAMI MEMBINA KESEMPURNAAN, SUPAYA ANDA BOLEH MENDAPATKAN PRODUK YANG MEMATUHI STANDARD KUALITI"

Halaman 8

▶ PROGRAM AWARENESS 'SPATIALLY ENABLED NRE': INISIATIF MaCGDI MEMPROMOSI GEOSPATIAL DI PERINGKAT KEMENTERIAN



PUTRAJAYA, 31 Mac - Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) telah menganjurkan Program Awareness 'Spatially Enabled NRE' bertempat di Dewan Baiduri, NRE. Program ini bertemakan "Geospatial for NRE" dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, KSU NRE. Program ini telah disertai oleh lebih daripada 300 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Bahagian-bahagian dan Jabatan-jabatan di bawah NRE.

Program satu hari ini bertujuan untuk mempromosikan, mempertingkatkan pemahaman dan memberi pendedahan kepada warga NRE mengenai teknologi berkaitan geospasial serta kepentingannya. Selain menggalakkan penglibatan semua peringkat dalam menyumbangkan idea dan ilmu pengetahuan ke arah perkembangan teknologi geospasial di Malaysia, ia juga merupakan salah satu medium dalam perkongsian ilmu pengetahuan serta pengalaman bersama para peserta yang hadir.



► **SAMBUNGAN: PROGRAM *AWARENESS 'SPATIALLY ENABLED NRE'*: INISIATIF MaCGDI MEMPROMOSI GEOSPATIAL DI PERINGKAT KEMENTERIAN**

Antara intipati ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Sri KSU ialah beliau mengucapkan syabas kepada pihak MaCGDI kerana telah berjaya menganjurkan program ini dan menekankan bahawa NRE telah diamanahkan untuk menerajui teras pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan negara. Selain itu, NRE juga perlu mengorak langkah melalui usaha-usaha perkongsian maklumat sedia ada, memaksimumkan teknologi dan sumber tenaga, menggalakkan inovasi dan kreativiti di kalangan jabatan dan agensi di bawah NRE.

Program selepas itu diteruskan dengan ucap tama yang bertajuk "*Geospatial for NRE*" yang disampaikan oleh YBrs. Puan Hajah Norizam binti Che Noh, selaku Pengarah MaCGDI. Selain itu agenda diisi dengan sesi *executive talk* yang telah disampaikan oleh Puan Hajah Norizan binti Muhammad, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Geoportal & Multimedia berkaitan aplikasi Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) dan Sr Hj. Ahmad Akhir bin Tompong, Timbalan Pengarah Cawangan Polisi dan Pembangunan Standard bertajuk "Pemakaian Standard Untuk Maklumat Geospasial". Sesi "Mudahnya Geospasial" pada sebelah petang, telah dikendalikan oleh Puan Norhazilah binti Mahat, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Aplikasi MyGDI. Sesi ini menerangkan tentang mudahnya aplikasi geospasial dibangunkan tanpa memerlukan kepakaran yang tinggi serta menggunakan paparan yang mesra pengguna.

Di samping itu, MaCGDI juga telah membuka ruang pameran yang melibatkan pembentangan aplikasi 1Malaysia Map, *Malaysia Geospasial Online Services* (MyGOS) dan MyGeoname. Bagi memeriahkan program ini, telah diadakan pertandingan kuiz bagi menguji kefahaman berkaitan maklumat geospasial serta cabutan bertuah di kalangan peserta program.

Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini. MaCGDI berharap penganjuran program seumpama ini dapat menggalakkan dan menarik minat para pegawai NRE terhadap aplikasi geospasial dalam kerja harian mereka serta berharap agar aktiviti ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang.



- ◆ Program ini merupakan pra-persidangan kepada Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan (NGIS) ke-7 yang bakal berlangsung pada Ogos 2016 dan merupakan program *GIS Day for NRE* untuk tahun ini.

► PEMBENTANGAN APLIKASI 1MALAYSIA MAP DAN MyGOS KEPADA YBHG. TAN SRI KPPA DI PAMERAN PERSADA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM



PUTRAJAYA, 15 Mac - Tanggal 15 Mac 2016 telah mengukir kenangan istimewa kepada seluruh warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana pada tarikh yang sama tiga tahun lalu, JPA telah memulakan perjalanan dan kembara perjuangan menjulang obor transformasi menerangi seluruh Perkhidmatan Awam. Oleh yang demikian, Perhimpunan Bulanan JPA bagi bulan Mac telah dianjurkan beserta dengan Pameran Persada Transformasi Perkhidmatan Awam bertujuan untuk mengetengah dan mempromosikan produk dan perkhidmatan inisiatif transformasi yang dilaksanakan oleh kementerian/agensi serta menggalakkan perkongsian amalan terbaik dalam menjayakan Transformasi Perkhidmatan Awam. Perhimpunan dan pameran ini bertemakan 'Tiga Tahun Kembara Transformasi' dan telah diadakan di Bangunan C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Acara perasmiannya telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).

Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) selaku wakil NRE telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam pameran pada hari tersebut. Antara agensi lain yang turut serta dalam pameran ini ialah Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Jabatan Perdana Menteri. Semasa sesi lawatan YBhg. Tan Sri KPPA bersama-sama pegawai-pegawai kanan JPA di *booth* MaCGDI, pihak MaCGDI berpeluang membentangkan produk dan perkhidmatan di bawah program MyGDI terutamanya aplikasi 1Malaysia Map dan MyGOS.

1Malaysia Map merupakan aplikasi dalam talian, bertujuan untuk memberi kesedaran serta untuk menarik minat pengguna awam berkenaan aplikasi geospasial. Selain itu, menerusi aplikasi ini, pengguna awam boleh bersama-sama menyumbang maklumat geospasial di Malaysia melalui kaedah *crowd sourcing*, melakukan carian tempat-tempat awam (*Point of Interest (POI)*) seperti stesen minyak, pusat rekreasi, pusat ibadah, bank, kemudahan awam dan sebagainya, membuat capaian ke data *imagery* serta vektor daripada pelbagai sumber secara interaktif. Selain paparan dan pengemaskinian maklumat POI, aplikasi 1Malaysia Map juga berperanan sebagai platform perkongsian data daripada agensi kerajaan kepada orang awam.

Aplikasi MyGOS pula menyediakan platform kepada pengguna khususnya kepada agensi-agensi kerajaan untuk berkongsi maklumat geospasial dalam *environment* yang lebih selamat. MyGOS juga menawarkan aplikasi secara *web services* kepada pengguna yang berdaftar. YBhg. Tan Sri KPPA telah memberikan maklum balas positif dan cadangan penambahbaikan kepada MaCGDI bagi menyemarakkan transformasi perkhidmatan geospasial. Inisiatif yang dibangunkan oleh MaCGDI ini adalah sejajar dengan agenda transformasi yang diterajui oleh JPA. Pameran ini telah memberi peluang kepada MaCGDI untuk merakyatkan dan mempromosikan penggunaan maklumat geospasial kepada sektor awam.

► PENYERTAAN MaCGDI DI PAMERAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2016



KUCHING, 25-27 Mac - Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada tahun ini telah diadakan di Waterfront Kuching, Sarawak. Majlis perasmian telah diadakan pada 26 Mac 2016 dan disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Haji Adenan bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak. Hari Hutan Antarabangsa disambut secara serentak di seluruh dunia pada 21 Mac setiap tahun, dikaitkan dengan hari pertama Musim Bunga di Hemisfera Utara.

Majlis perasmian turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha NRE, pemimpin-pemimpin tertinggi Negeri Sarawak serta Ketua-ketua Pengarah Jabatan yang berkaitan.

Sambutan Hari Hutan pada tahun ini bertemakan '*Forests and Water, Sustain Life and Livelihoods*' melambangkan semangat serta fokus yang tinggi dalam usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui agensinya untuk sama-sama meningkatkan kesedaran dalam pemeliharaan, pembangunan dan pengurusan hutan secara berkekalan. Ketika berucap pada majlis perasmian, YAB Ketua Menteri Sarawak telah menjelaskan, beliau akan memastikan negeri Sarawak akan mencapai satu juta hektar kawasan yang dilindungi sepenuhnya menjelang 2020.

Pelbagai aktiviti dan pameran telah diadakan oleh Sarawak Forestry sebagai penganjur Hari Hutan Antarabangsa

peringkat kebangsaan ini. Pihak MaCGDI telah dijemput untuk mewakili NRE sebagai pempamer di Galeri Perdana.

Semasa lawatan di *booth* MaCGDI, YAB Ketua Menteri Sarawak telah dijelaskan dengan fungsi dan tugas MaCGDI sebagai salah satu bahagian di bawah NRE yang berperanan sebagai penyelaras maklumat geospasial negara. Maklumat geospasial yang telah diperolehi daripada pelbagai agensi pembekal data boleh digunakan sebagai analisis termasuk analisis yang berkaitan dengan hutan.

MaCGDI juga telah membentangkan peta kawasan pilihan raya terkini meliputi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen Negeri Sarawak sempena menjelangnya Pilihan Raya Negeri Sarawak 2016 (PRN-11) pada ketika itu. Peta tersebut dibangunkan dengan menggunakan platform MyGOS. MaCGDI turut mempromosikan aplikasi 1Malaysia Map kepada YAB Ketua Menteri Sarawak dan para pengunjung yang hadir.

Penyertaan pameran selama tiga (3) hari ini telah membuka peluang kepada pihak MaCGDI dalam mempromosi aktiviti geospasial serta mendidik para pengunjung mengenai kepentingan memelihara dan memulihara hutan sebagai salah satu sumber khazanah negara Malaysia.

- ◆ Pengisytiharan Hari Hutan Antarabangsa, yang dahulunya dikenali sebagai Hari Perhutanan Sedunia telah dipersetujui dan dimulakan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) pada 21 Mac 1972 dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan perhutanan, pemeliharaan dan pemuliharaannya untuk kesejahteraan dan kestabilan alam sekitar.

► BENGKEL PROJEK GEOSPATIAL DATA TANAH WAKAF ANTARA JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI (JAWHAR) DAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI-NEGERI



PUTRAJAYA, 7 Apr. - MaCGDI telah menganjurkan Bengkel Projek Geospasial Data Tanah Wakaf antara Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bertempat di Bilik Latihan Komputer Aras 5, Wisma Sumber Asli, NRE.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 21 peserta dari Majlis Agama Islam Negeri, enam (6) orang Pegawai JAWHAR dan melibatkan 12 orang fasilitator yang dilantik di kalangan Pegawai MaCGDI. Antara wakil dari Majlis Agama Islam Negeri ialah dari Negeri Selangor, WP Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Sabah

Objektif bengkel ini adalah seperti berikut:

- Latihan *data entry* dan pengemaskinian data untuk Majlis Agama Islam Negeri;
- Latihan pengemaskinian data menggunakan aplikasi MyGOS bagi pihak JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri; dan
- Mengesahkan maklumat atribut yang perlu dimasukkan ke dalam aplikasi.

Melalui maklum balas yang diterima dari bengkel ini, MaCGDI selaku Urus Setia bengkel berpendapat bahawa pihak Majlis Agama Islam Negeri perlu meneruskan proses *data entry* dan pengemaskinian data negeri masing-masing sehingga semua data tanah wakaf berjaya ditukarkan ke dalam bentuk spatial.

Pihak MaCGDI akan sentiasa berhubung dengan pihak JAWHAR bagi memastikan projek tanah wakaf ini berjalan lancar.

Antara bengkel lain yang telah dijalankan oleh MaCGDI pada tahun ini ialah:

- Bengkel Kajian Keperluan Pengguna bagi Platform Perkongsian Maklumat Geospasial di bawah Program MyGDI pada 20 Jan 2016;
- Bengkel Migrasi `Data As-Built Drawing Format AutoCAD'.dwg ke Format GIS dan Penggunaan Aplikasi MyGeoTranslator pada 3 Feb 2016;
- Bengkel Pengemaskinian Polisi dan *Standard Operational Procedure (SOP)* Data Geospasial Negeri Melaka pada 7 & 8 Mac 2016; dan
- Bengkel Pengesahan Nama-nama Geografi bagi Daerah Jerantut dan Cameron Highlands pada 15 Mac 2016.

- ◆ MaCGDI sentiasa menerima kunjungan hormat serta lawatan daripada agensi dan institusi luar yang seterusnya mewujudkan kerjasama dua hala ke arah memantapkan aktiviti geospasial di negara ini. Bengkel, latihan dan mesyuarat dengan agensi luar adalah salah satu inisiatif MaCGDI yang bertanggungjawab membawa serta mempromosikan program MyGDI ke seluruh negara. Layari www.mygeoportal.gov.my untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai semua bengkel dan aktiviti yang dijalankan oleh MaCGDI.

► PENYAMPAIAN *KEYNOTE SPEAKER* DAN PAMERAN MaCGDI DI *INTERNATIONAL CONFERENCE AND EXHIBITION ON GEOSPATIAL & REMOTE SENSING (IGRSM) 2016*



KUALA LUMPUR, 13-14 Apr. – Persidangan dan pameran *8th IGRSM International Conference and Exhibition on Geospatial & Remote Sensing (IGRSM) 2016* telah berlangsung di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), bertemakan '*Geospatial on the Go*'.

Objektif utama IGRSM 2016 adalah untuk mengumpulkan para pelajar institusi, profesional dan pakar industri di dalam bidang geospasial di satu peringkat global untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran serta pengalaman dengan peserta. Program ini telah diisi dengan sesi pembentangan *keynote, parallel, industry outreach, poster* dan pameran geospasial.

Bagi sesi pembentangan *keynote*, ianya telah dibentangkan dengan tiga (3) topik yang sangat menarik diketuai oleh Pengarah MaCGDI iaitu:

- *Addressing Current Challenges and Formulating Future Strategies for the National Geospatial Community* oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah MaCGDI;
- *Next-Generation Remote Sensing with Micro-Satellite* oleh Prof Dr. Yukihiro Takahashi, Hokkaido University, Japan; dan
- *The Rise of Small UAVs: Applications, Opportunities, and Challenges* oleh Assoc. Prof Dr. Reza Ehsani, University of Florida.

Selain itu, pelbagai topik pembentangan lain telah diadakan di bawah subtema *Technology Trends, Forestry, Infrastructure & Urban Planning, Agriculture, Land Use/ Land Cover Mapping, Disaster Management, dan Environmental Monitoring*. Bagi sesi *industry outreach*, pelbagai agensi telah mengambil bahagian mengadakan sesi pembentangan mewakili agensi masing-masing seperti Ground Data Solutions R&D Sdn. Bhd., Oracle Corporation, Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA), National Space Agency (ANGKASA), Hexagon Geospatial, Antaragrafik System Sdn. Bhd. dan Digital Globe.

Semasa sesi lawatan pameran YB Datuk Seri MOSTI, MaCGDI berpeluang membentangkan produk dan perkhidmatan di bawah program MyGDI iaitu aplikasi 1Malaysia Map, MyGOS, MyGeoTranslator dan MyGeoname. YB Datuk Seri MOSTI juga turut sama mencuba melakukan carian bagi *Point of Interest (POI)* menggunakan aplikasi 1Malaysia Map dan berpuas hati dengan inisiatif yang telah dibangunkan oleh pihak MaCGDI.

Program ini juga memberi peluang kepada MaCGDI dalam usaha mempromosikan penyebaran maklumat geospasial dan pembentangan aplikasi-aplikasi MaCGDI kepada komuniti geospasial yang hadir.

► POLISI PERKONGSIAN INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MyGDI)

| G2G | G2B | G2C | G2E (Pendidikan / Penyelidikan) | |
|-----------------------|-----------|-----------|------------------------------------|-------------|
| | | | Dalam Negara | Luar Negara |
| Percuma Melalui MyGDI | Rujuk APD | Rujuk APD | Rujuk APD | Rujuk APD |

Nota :
 G2G - Agensi Kerajaan dengan Agensi Kerajaan
 G2B - Agensi Kerajaan dengan Agensi Swasta
 G2C - Agensi Kerajaan dengan Orang Awam
 G2E - Pendidikan / Penyelidikan

Polisi Perkongsian

Perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial daripada pelbagai agensi perlu dilaksanakan dengan penuh iltizam dan bersungguh-sungguh demi membangunkan negara dengan hasrat mencapai sasaran negara maju menjelang tahun 2020. Agensi-agensi Kerajaan perlu menyedari bahawa maklumat geospasial yang sentiasa diguna pakai menunjukkan bahawa segala pelaburan yang telah dilakukan dalam membangunkan data berkenaan amat berguna serta memberikan faedah kepada semua.

Proses penyediaan Garis Panduan Perkongsian dan Penyebaran Maklumat Geospasial Melalui Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) telah melalui beberapa siri bengkel, taklimat dan telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Framework MyGDI (JTFM) Bilangan 1/2011 pada 25 April 2011 dan seterusnya disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK) Bilangan 1/2012 pada 9 Februari 2012.

Pada masa ini, polisi perkongsian data geospasial melalui MyGDI adalah terhad di kalangan agensi kerajaan sahaja (*Government-to-Government (G2G)*). Walau bagaimanapun, agensi swasta dan orang awam masih boleh mendapatkan data tersebut secara terus melalui Agensi Pembekal Data (APD) yang berkenaan. Agensi Pembekal Data didefinisikan sebagai pembekal atau pemilik data tersebut. Agensi Kerajaan yang dimaksudkan pula adalah agensi, jabatan dan badan berkanun yang terlibat secara langsung di dalam program MyGDI sama ada sebagai pembekal data (agensi tunjak atau custodian) atau pengguna.

Dengan adanya garis panduan, aliran dan perkongsian maklumat geospasial antara agensi kerajaan menjadi lancar selaras dengan kepesatan pembangunan negara. Sehubungan itu, semua agensi yang terlibat perlu mengambil perhatian kepada garis panduan yang disediakan ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

- ◆ Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2012 bertujuan menyediakan garis panduan bagi perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial melalui MyGDI kepada agensi-agensi kerajaan.

Garis Panduan Perkongsian dan Penyebaran Maklumat Geospasial Melalui MyGDI ini menjelaskan bagaimana perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial boleh dilakukan dalam usaha mengelakkan pertindihan dalam kutipan data dan mengoptimumkan penggunaannya.

► **MyGeoTranslator: “KAMI MEMBINA KESEMPURNAAN, SUPAYA ANDA BOLEH MENDAPATKAN PRODUK YANG MEMATUHI STANDARD KUALITI”**



Kebanyakan data di agensi yang membangunkan data geospasial masih tidak mengikut pemakaian standard data geospasial yang telah ditetapkan dan ini menyebabkan kesukaran perkongsian data antara agensi kerajaan yang lain. Hal ini juga disebabkan oleh faktor isu teknikal yang juga melibatkan kos yang tinggi.

Justeru, MaCGDI telah membangunkan satu aplikasi yang dinamakan MyGeoTranslator bagi membantu dan memudahkan agensi pembekal data mengguna pakai standard data geospasial yang telah dibangunkan oleh MaCGDI. Pembangunan standard ini dibangunkan melalui tadbir urus di bawah Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM) bersama dengan Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan *Standard and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM).

Pembangunan aplikasi ini dilaksanakan secara dalam talian (*online*) bagi membantu dan memudahkan pengguna agensi pembekal data mengguna pakai standard data geospasial yang disediakan untuk tujuan perkongsian data melalui program MyGDI.

Sub modul - sub modul yang dibangunkan dalam aplikasi ini adalah seperti:

- Sub Modul *Format Data*;
- Sub Modul *Coordinate Transformation*;
- Sub Modul *Unique Parcel Identifier (UPI)*;
- Sub Modul MS1759 (*Geographic Information/Geomatics - Features and Attribute Codes*);
- Sub Modul Pemadanan Geoname (*Geographical Names Database*);
- Sub Modul Pengisian MMS (*Standardization and Implementation of Metadata Application of Malaysian Standards*);
- Sub Modul Penjanaan Simbol; dan
- Sub Modul *Map Viewer*.

Besarliah harapan MaCGDI agar dengan adanya aplikasi MyGeoTranslator ini dapat merancakkan lagi aktiviti geospasial di Malaysia.

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI),

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI,

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,

62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03 - 8886 1156

FAX: 03 - 8889 4851

Website: www.mygeoportal.gov.my

